

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Sunday, July 29, 2018 12:34 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pelajar Rangsit University, Thailand terpesona dengan keindahan Tasik pedu



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia

29 JULAI 2018 / 16 ZULKAEDAH 1439H

=====

"UUM:UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PELAJAR RANGSIT UNIVERSITY, THAILAND TERPESONA DENGAN KEINDAHAN TASIK PEDU



Pejabat Pembangunan Pelajar (PPA UUM CAS) telah menganjurkan program ke Tasik Pedu Boat House, Kuala Nerang, Kedah pada 13-14 Julai 2018 yang lalu. Seramai 15 orang pelajar yang terpilih dalam program P2A dari Rangsit University, Thailand dan 2 orang pelajar praktikal dari Universiti Fatoni serta 3 orang staf PPA CAS telah mengikuti program tersebut. Program itu bertujuan untuk memberi peluang kepada para pelajar merasai pengalaman menginap di atas bot dan menjalankan pelbagai aktiviti sepanjang berada di sana.

Sepanjang perjalanan sejauh kira-kira 50 kilometer dari Sintok ke Tasik Pedu, pelajar-pelajar ini dihadang dengan panorama sawah padi yang terbentang luas dan pohon-pohon menghijau di sepanjang perjalanan. Setelah sampai, mereka begitu teruja melihat keindahan Tasik Pedu yang terbentang luas dengan airnya menghijau dan kesegaran udara pagi di tasik buatan manusia itu. Seterusnya, mereka dibawa menaiki bot sambil menikmati keindahan sekitar tasik sebelum menuju ke rumah bot.

Salah seorang peserta, Settawut Donloey berkata, dia sangat teruja dapat berada di atas rumah bot tersebut sambil menikmati keindahan sekeliling Tasik Pedu yang merupakan satu pengalaman yang menyeronokkan. “Ini merupakan kali pertama saya sampai ke Tasik Pedu... juga pengalaman pertama saya berada di atas sebuah rumah bot. Rumah bot ini sangat selesa dan sesuai buat pengembara yang ingin menikmati keindahan alam semula jadi” katanya.

Mula dibuka kepada pelawat pada tahun 1996, rumah bot tersebut merupakan satu-satunya tempat menginap yang ditawarkan di tasik seluas 52 kilometer persegi itu. Pemiliknya, Amir Wahab memaklumkan, sejak dibuka, rumah bot itu tidak pernah sunyi dengan kunjungan pelawat. Ujarnya, setiap minggu pasti ada pengunjung yang akan menginap di situ selama beberapa hari dan melakukan pelbagai aktiviti menarik di sekitar tasik tersebut. Pelawat boleh melakukan beberapa aktiviti menarik di sekitar Tasik Pedu atau di kawasan hutan berhampiran. Salah satu aktiviti popular ialah menyelusuri tasik menggunakan bot sebelum mendaki Gunung Fakir Terbang. Selepas berjaya ke puncak, penat lelah pasti hilang sebaik menyaksikan pemandangan alam semula jadi termasuk melihat kawasan bukit yang menjadi sempadan Malaysia-Thailand. Sekiranya bernasib baik, para pelawat berpeluang melihat gajah-gajah liar turun meneguk air di tepi tasik ini.

Kawasan tasik itu juga menjadi habitat burung-burung liar yang sukar ditemui seperti enggang dan helang. Bukan itu saja, Tasik Pedu juga terkenal dalam kalangan kaki pancing sebagai lubuk kepada ikan air tawar seperti baung, kaloi lampam dan sebarau. Di sebelah rumah bot itu juga terdapat sebuah pulau yang menjadi tapak perkhemahan yang dikenali sebagai Survival Island. Tapak perkhemahan itu mampu memuatkan sehingga 40 orang pada satu-satu masa yang dilengkapi kemudahan tandas dan tempat memasak. Tapak ini sesuai untuk program seperti kem bina semangat dan hari keluarga.

“Semoga program-program yang dianjurkan ini memberi pengalaman yang menarik kepada mereka dan akan menjadi tarikan kepada universiti-universiti tempatan dan negara luar untuk datang meneroka keindahan flora dan fauna di Kedah dan juga Malaysia” kata Mohd Farid Fadly Mohamad Fuad, salah seorang pegawai yang menguruskan program ini di PPA UUM CAS.

Sekian.

=====
Students Development & Alumni Office
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307/5507 | Faks: 049285310
Email:cas-sadc@uum.edu.my
Website:ppacas.uum.edu.my



Students Development & Alumni Office



@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.